

LAMPIRAN A

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempoh sah lakunya dan Individu (orang perseorangan) yang berminat untuk membeli aset berikut :-

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP /42/2016

TAJUK SEBUTHARGA : SEBUTHARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

TARIKH DIBUKA : 1 JUN 2016

TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN: 9 JUN 2016 HINGGA 15 JUN 2016

TARIKH DITUTUP : 22 JUN 2016 (Sebelum 12 Tengah Hari)

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) dengan harga RM10.00 dan dimuat naik secara online. Individu yang berminat boleh membuat pembayaran borang tawaran sebutharga di Kaunter Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Paras 3, KOMTAR, Pulau Pinang. Setiap tawaran hendaklah disertakan deposit tawaran sebanyak 10% daripada tawaran harga yang ditawarkan oleh penyebutharga. Deposit tersebut hendaklah dikemukakan dalam bentuk kiriman wang / wang pos atas nama Bendahari Negeri Pulau Pinang. Deposit akan dikembalikan kepada penyebutharga jika tidak berjaya.

3. Borang tawaran hendaklah diambil dan yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga Bil. PSUKPP 42/2016 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang pada atau sebelum 22 JUN 2016 jam 12:00 tengah hari. Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima tawaran sebutharga yang terendah atau mana-mana tawaran.

4. Kenderaan boleh dilihat pada 8 JUN 2016 (Selasa) di antara 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari di Depo Simpanan Kenderaan Kerajaan, bersebelahan 40 Lebuhraya Peel 10350 Pulau Pinang. *Sila bawa cop syarikat semasa sesi taklimat tapak.

5. Pemilik Syarikat dan Individu yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri sesi taklimat sebutharga. Hanya PEMILIK SYARIKAT/PENAMA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN KEMENTERIAN KEWANGANAN MALAYSIA untuk pengesahan.

6. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab sendiri.

7. Kerajaan tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. Kerajaan berhak untuk membatal atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Borang Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebutharga Bil. PSUKPP/42/2016 dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti alamat di bawah:-

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN

PARAS 25,KOMTAR

10503 PULAU PINANG